



## SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 2019

Semua Ketua Jabatan  
Semua Pusat Tanggungjawab

**KAJIAN PASARAN BAGI PEROLEHAN SEHINGGA RM10,000.00**

### 1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menerangkan perubahan peraturan perolehan bagi mempercepatkan proses perolehan.

### 2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Tujuan utama kajian pasaran adalah untuk memastikan perolehan yang hendak dilaksanakan adalah paling sesuai dan menguntungkan dengan mengambil kira aspek kualiti dan harga.
- 2.2 Memandangkan kajian pasaran ini mengambil masa yang agak lama serta kesukaran mendapatkan sebutharga atau *quotation* daripada pembekal, Kerajaan telah bersetuju untuk melonggarkan nilai perolehan bagi tujuan kajian pasaran.

### 3.0 PINDAAN

- 3.1 pindaan peraturan ini melibatkan perenggan 5(vi) i.b Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 iaitu Kaedah Perolehan Kerajaan seperti berikut:

	Lama	Pindaan/(Baru)
1.	Kajian pasaran dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.	Kajian pasaran daripada pembekal dikecualikan bagi nilai perolehan sehingga RM10,000.00. Manakala perolehan lebih daripada RM10,000.00 perlu mendapatkan sekurang-kurangnya tiga tawaran harga daripada pembekal tempatan.

### 4.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **15 Oktober 2019**.

## 5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.
- 5.2 Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi. Peruntukan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada penerimaan oleh Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' AHMAD ROBERT BIN ABD. RAHIM, D.P.S.K. (Kelantan)**

Pegawai Kewangan Negeri

Kelantan

**PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN**

3 Oktober 2019

s.k.

YB Dato' Kaya Setia  
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan